

## Manifestasi Alam Sekitar Dalam Tiga Karya Faisal Tehrani: Perspektif Ekologi Sastera

*Environmental Manifestations in Faisal Tehrani's Three Novels: An Ecological Literary Perspective*

Rosmah Derak  
[rosmah@ums.edu.my](mailto:rosmah@ums.edu.my)

Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

**Published:** 06 Jun 2023

**To cite this article (APA):** Derak, R. (2023). Manifestasi Alam Sekitar Dalam Tiga Karya Faisal Tehrani: Perspektif Ekologi Sastera: Environmental Manifestations in Faisal Tehrani's Three Novels: An Ecological Literary Perspective. *PENDETA*, 14(1), 13–24. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.2.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.2.2023>

### ABSTRAK

Karya sastera mempunyai kaitan yang cukup rapat dengan alam dan alam merupakan sumber utama dalam proses penciptaan sesebuah karya sastera. Kaitan antara alam dengan karya sastera ini diteliti dalam novel karya Faisal Tehrani yang bertajuk *Bila Tuhan Berbicara* (2007), *Tunggu Teduh Dulu* (2008) dan *Bahlut* (2010) bagi menganalisis manifestasi alam sekitar yang terdapat karya-karya tersebut. Kaedah analisis kandungan (*content analysis*) digunakan untuk mendapatkan gambaran manifestasi alam dengan lebih terperinci. Pendekatan ekologi sastera digunakan untuk menganalisis manifestasi alam sekitar dalam novel-novel tersebut dengan memberi perhatian kepada ekologi alam yang menekankan kepada dua aspek, iaitu penekanan terhadap alam sebagai inspirasi karya sastera dan pembelaan terhadap alam akibat perbuatan manusia yang dikenal sebagai kajian eko kritik. Berdasarkan analisis ekologi sastera sebagai inspirasi karya sastera dalam ketiga-tiga novel kajian didapati bahawa manifestasi alam sekitar seperti alam sebagai latar penceritaan terserlah dalam ketiga-tiga novel. Alam sebagai sumber kehidupan manusia (sumber ekonomi) pula dapat dilihat dalam *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* manakala alam sebagai bukti ketakjuban manusia kepada Pencipta terserlah dalam novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bila Tuhan Berbicara*. Melalui kritikan eko, didapati hanya novel *Bahlut* memperlihatkan adanya bentuk kritikan ekologi terhadap aktiviti pembalakan haram yang menyebabkan kerosakan alam berlaku seperti pencemaran sungai, pemendapan sungai dan pencemaran sungai. Isu pencemaran alam dan kegiatan pembalakan haram yang ditampilkan oleh pengarang dalam novel *Bahlut* merupakan isu global yang penting dan wajar ditangani dalam usaha menyelamatkan bumi daripada segala bentuk kerosakan oleh tangan-tangan manusia yang rakus. Implikasi kepada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa alam sangat penting untuk dijaga kerana alam menyediakan sumber kehidupan kepada manusia. Manusia dan alam saling memerlukan dan saling bergantung antara satu sama lain. Pencemaran alam akan mengganggu gugat kesejahteraan manusia dan perkara ini wajar ditangani bagi memelihara ekosistem dan kehidupan manusia.

**Kata Kunci:** manifestasi alam sekitar; karya sastera; ekologi sastera; manusia; pencemaran alam

### ABSTRACT

*Literary works are closely related to the environment, and nature serves as the primary inspiration in the creation of literary works. To analyze the environmental manifestations of Faisal Tehrani's novels, i.e., *Bila Tuhan Berbicara* (2007), *Tunggu Teduh Dulu* (2008), and *Bahlut* (2010), the relationship between nature and literature was examined. A content analysis was used to gain a more comprehensive understanding of nature's manifestations in the novels. The literary ecology approach was used to analyze the environmental manifestations in the novels by focusing on the ecology of nature, which focuses on two aspects: the emphasis on nature as an inspiration for literary works and the defense of nature because of human actions, also known as ecocriticism. Based on the analysis of literary ecology as the inspiration for literary works in the three novels, environmental manifestations such as nature as a setting for narration in all three novels. Nature as the origin of human existence*

(economic resources) in *Tunggu Teduh Dulu* and *Bahlut* whereas nature as evidence of human wonderment towards the Creator in *Tunggu Teduh Dulu* and *Bila Tuhan Berbicara*. Through eco-criticism, it has been discovered that only *Bahlut*'s demonstrates the existence of ecological criticism of illegal logging activities that result in natural damages such as river pollution, river sedimentation, and air pollution. The global issue of natural pollution and illicit logging highlighted by the author in *Bahlut* is significant and should be addressed to save the earth from all forms of destruction caused by greedy humans. The implications of this study's findings indicate that preserving nature is crucial because it provides humans with a source of existence. Humans and nature are interdependent and mutually dependent. Environmental pollution threatens human health, and this issue must be addressed to protect the ecosystem and human existence.

**Keywords:** environmental manifestations; literary works; literary ecology; human beings; environmental pollution

## PENGENALAN

Sesebuah karya kreatif antara lain bertujuan untuk menyampaikan pengajaran, dakwah dan pesan kepada pembaca. Pesanan ini disampaikan dengan cara yang tersendiri oleh setiap pengarang (Ariff Mohamad, 2015: 231). Alam juga menjadi tempat pengarang untuk menyampaikan pemikiran dan mesej kepada pembaca. Menurut Roslina Abu Bakar (2017: 44), manusia menyesuaikan diri dengan alam sekeliling dengan tujuan untuk memenuhi keperluan asasnya dan alam menjadi inspirasi kepada pengarang untuk menyampaikan mesej kepada pembaca. Pandangan dunia atau fenomena alam merupakan bahan yang diolah dan dibentuk oleh sumber atau pengarang untuk menghasilkan mesej.

Alam adalah ciptaan Allah yang sangat hebat dan memberi manfaat yang cukup banyak untuk kegunaan manusia. Dalam Surah *al-Baqarah* ayat 164, Allah mengajak manusia untuk berfikir akan setiap kejadian alam ciptaan-Nya sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang berlayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaan-Nya, kebijaksanaan-Nya, dan keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran” (*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*, tt: 63).

Setiap ciptaan Allah dalam alam ini berkait rapat dengan aspek keseimbangan. Kehidupan yang berada dalam alam ini telah diberikan peranan masing-masing untuk mewujudkan keseimbangan sesama sendiri. Ini termasuklah manusia, haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan. Ketiga-tiganya mempunyai hubungan yang saling memerlukan untuk keseimbangan alam ini (Imaduddin & Noor Shakirah, 2016: 103), dan pada semuanya mempunyai bukti-bukti (tanda) yang mengandungi makna keesaan dan kebesaran Allah SWT (Muhamad Fadzil Yusoff, 2018: 13).

Karya sastera adalah ciptaan manusia yang hidup berlatar belakang alam sekitar. Dalam pengisian karya-karya sastera, alam mengambil tempat pertama dan utama, baik dalam bentuk cerita-cerita lisan (sastera rakyat), tulisan dalam ruang lingkup kesusasteraan tradisional, maupun kesusasteraan moden. Alam telah dijadikan sebagai objek imaginasi dalam berbagai bentuk cerita dan penceritaan (Norhayati Ab. Rahman, 2016: 111). Karya-karya sastera yang berlatar belakang alam ini juga dijadikan sebagai alat perlambangan oleh pengarang. Menurut Maharam Mamat (2021: 333), “penulis mengkisahkan elemen alam semula jadi dalam karya untuk menyatakan lapisan makna tersembunyi melalui unsur alam dalam bentuk personifikasi, metafora, simili dan sebagainya.” Selain itu, alam juga bukan hanya menjadi latar tempat dalam sebuah karya tetapi lebih berperanan untuk menampilkan suasana dan kesan dalam penceritaan oleh pengarang. Gambaran tentang alam atau manifestasi alam menurut (Muhammad Hj. Salleh, 2012), merupakan satu proses penggunaan unsur alam yang dijadikan sebagai perlambangan atau imej kepada sesuatu peristiwa. Secara tidak langsung

manusia menjadi pemerhati dan mengingati fenomena atau perlakuan serta tabiat yang berlaku pada alam.

Sesuai dengan fungsi alam sebagai satu bentuk penceritaan dalam karya sastera, maka kajian ini akan menganalisis manifestasi alam sekitar yang terdapat dalam novel. Tiga buah novel karya Faisal Tehrani, iaitu novel *Bila Tuhan Berbicara* (2007), *Tunggu Teduh Dulu* (2008) dan *Bahlut* (2010) digunakan sebagai sumber utama kajian bagi menganalisis sejauh mana alam sekitar telah digarap dan dimanifestasikan oleh pengarang dalam karya-karya ini dengan menggunakan pendekatan ekologi sastera.

## **SOROTAN KAJIAN**

Sorotan kajian ini memberi perhatian terhadap karya-karya Faisal Tehrani khususnya novel yang telah dikaji oleh beberapa pengkaji sebelum ini yang memberi perhatian terhadap berbagai-bagai aspek antaranya pascakolonial dalam novel (Shaidathul Suhana Ros, 2013), dekonstruksi sejarah (Rosmah Derak, 2014; Ghazali Taib & Abdul Halim Ali, 2018), pemikiran dalam novel (Rosmah Derak, 2020; Fauzi Hasan *et al.* 2019), aspek dakwah (Hasnunie Mohammad, 2013), perjuangan wanita (Rosmah Derak & Asmiaty Amat, 2016) dan komunikasi kepimpinan (Nordiana Hamzah, *et al.* 2023).

Kajian yang memberi perhatian khusus terhadap novel *Bila Tuhan Berbicara* (2007) telah dilakukan antaranya oleh Rosmah Derak (2020) yang menyentuh tentang pemikiran yang disampaikan oleh Faisal Tehrani dalam novel tersebut. Melalui kajian ini, penulis telah mengenal pasti pemikiran penting yang digarap oleh Faisal Tehrani yang berhubung kait dengan pemikiran tentang pementasan teater Islam, pemikiran berkaitan dengan keagamaan, pemikiran tentang ilmu pengetahuan, pemikiran tentang perubatan dan pemikiran berkaitan politik.

Kajian terhadap novel *Tunggu Teduh Dulu* pula telah ditulis oleh Kamariah Kamarudin (2011) dengan judul *Nilai tarbiah dan islah wanita Melayu Islam pascamerdeka: Satu analisis terhadap novel Tunggu Teduh Dulu dan Surat-surat Perempuan Johor*. Makalah ini memberi tumpuan kepada watak wanita Melayu Islam yang diwakili oleh watak Salsabila Fahim dalam *Tunggu Teduh Dulu* dan Ungku Nur dalam *Surat-surat Perempuan Johor* dalam usaha mereka untuk menyampaikan tarbiah dan islah yang berkaitan dengan ilmu, budaya, ekonomi dan sosial. Kedua-dua watak wanita ini diangkat oleh Faisal Tehrani sebagai muslimah yang berjiwa besar dan sesuai dijadikan sebagai ikon atau contoh dalam membentuk keperibadian mulia khalayak pembaca.

Seterusnya, kajian ke atas novel *Tunggu Teduh Dulu* yang ditulis oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2013), dengan judul *Ikon Wanita Melayu-Islam dalam Novel Tunggu Teduh Dulu* memberi tumpuan secara langsung terhadap watak wanita Melayu Islam yang dapat dijadikan sebagai ikon wanita muslimah berdasarkan keperibadian watak Salsabila Fahim. Salsabila Fahim ditonjolkan oleh Faisal Tehrani sebagai wanita muslimah yang memenuhi kriteria sebagai ciri-ciri wanita Islam yang boleh dijadikan sebagai contoh atau ikon dalam masyarakat Islam pada hari ini.

Kajian terhadap novel *Bahlut* pula telah dilakukan oleh Fauzi Hasan *et al.* (2019), dalam artikel bertajuk *Model remaja orang asli yang unggul dalam Bahlut*. Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada watak remaja bernama Bahlut, iaitu remaja dari suku kaum Semai yang diangkat sebagai remaja yang mempunyai perwatakan baik yang dapat menjadi teladan kepada golongan remaja pada masa kini.

Berdasarkan dapatan kajian lepas didapati bahawa kajian berkaitan alam sekitar belum pernah disentuh oleh mana-mana pengkaji terhadap karya-karya Faisal Tehrani. Justeru, kelompongan ini wajar diisi kerana isu-isu alam sekitar pada hakikatnya banyak terserlah dalam novel-novel Faisal Tehrani dan selaku pengarang beliau secara tidak langsung berperanan penting dalam membawa pandangan terhadap isu global yang berkaitan dengan alam sekitar seperti kerosakan alam akibat perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab.


## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan kaedah analisis teks (*text analysis*) ke atas tiga novel Faisal Tehrani, iaitu *Bila Tuhan Berbicara*, *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* bagi mendapatkan gambaran tentang manifestasi alam sekitar. Bagi tujuan kajian ini, pendekatan ekologi sastera akan digunakan untuk menganalisis manifestasi alam sekitar. Fokus utama kajian ini ialah analisis ekologi alam sebagai inspirasi terhadap penciptaan karya sastera dan kritikan ekologi (kritikan eko) yang menekankan pembelaan terhadap kerosakan alam sekitar akibat perbuatan manusia untuk membincangkan manifestasi alam sekitar yang terdapat dalam novel-novel ini.

### Pendekatan Ekologi Sastera

Ekologi sastera memfokuskan perhatian kepada jalinan fenomena alam semesta sebagai inspirasi pengarang dalam melahirkan sebuah karya sastera (Khomisah, 2020: 83). Kajian ekologi terhadap karya sastera bererti mempertemukan konsep ilmu ekologi dengan karya sastera. Paradigma ekologi terhadap kajian sastera merupakan bentuk penerapan pendekatan ekologi dalam memandang sebuah karya sastera. Dalam pandangan ekologi, eksistensi organisme dipengaruhi oleh lingkungannya atau ada hubungan timbal balik dan saling keterkaitan antara organisme dengan lingkungannya. Lingkungan berarti semua faktor eksternal yang langsung mempengaruhi kehidupan, pertumbuhan, perkembangan, dan reproduksi suatu organisme. Dalam paradigma ekologi, karya sastera diposisikan sebagai suatu spesies atau komponen dalam sebuah ekosistem (Kaswadi, 2015: 5). Ekologi sastera adalah ilmu ekstrinsik sastera yang mendalamai hubungan sastera dengan lingkungannya (Endraswara, 2016: 5).

Dalam kaitannya dengan kajian sastera, istilah ekologi dipakai dalam pengertian yang beragam. Pertama, ekologi yang dipakai dalam pengertian yang dibatasi dalam konteks ekologi alam. Kajian ekologi dalam pengertian tersebut juga dikenal dalam dua bentuk, iaitu kajian ekologi dengan menekankan aspek alam sebagai inspirasi karya sastera dan kajian ekologi yang menekankan pembelaan atau advokasi terhadap kerosakan alam persekitaran yang disebabkan oleh perbuatan manusia. Kajian ekologi dalam pengertian kedua tersebut popular sebagai kajian eko kritik (*ecocritic*). Kedua, ekologi yang dipakai dalam pengertian budaya seperti yang ditentukan oleh pola hidup dan perbezaan karakteristik wilayah (Kaswadi, 2015; Endraswara, 2016: 13; Widianti, 2017: 3). Secara ringkasnya kajian ekologi sastera dapat dilihat dalam Rajah 1:



**Rajah 1:** Ekologi Sastera

**Sumber:** Dipetik dan diubah suai daripada Kaswadi (2015), Endraswara (2016), Widianti (2017).

### Kritikan Eko (Eko Kritik)

Eko kritik atau kritikan eko lahir kerana adanya perbincangan mengenai alam sekitar yang mana eko kritik ini merupakan kritikan sastera mengenai alam sekitar (Mohd. Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad, 2021: 122). Buku berjudul *Ecocriticism Reader* (1996) yang disunting Cheryll Glotfelty & Harold Fromm dan *The Environmental Imagination* (1996) oleh Lawrence Buell merupakan pencetus kepada perbincangan tentang kritikan eko meskipun kritikan ini telah digunakan lebih awal, iaitu sekitar tahun 1970-an lagi. Kritikan eko menurut Glotfelty (1996: xviii) ialah “*Ecocriticism is the study of the relationship between literature and the physical environment.*”

Bagi Glotfelty, kritikan eko adalah satu kritikan yang mengkaji hubungan antara sastera dengan persekitaran fizikal. Hubungan ini boleh dijelaskan dengan melihat hubungan antara alam dengan budaya. Budaya yang dimaksudkan ialah tanggapan dan tindakan manusia terhadap alam. Ada manusia beranggapan alam sebagai pelindung dan temannya, maka alam dipelihara. Ada juga yang beranggapan alam sebagai sumber kekayaan dan musuh atau penghalang maka alam diterokai dan dimusnahkan. Keadaan ini menimbulkan masalah alam sekitar atau persekitaran fizikal (Sohaimi Abdul Aziz, 2014: 94).

Selain memfokuskan hubungan secara langsung antara alam semulajadi, manusia dan haiwan, kritikan ini juga melihat kesan secara tidak langsung yang lebih kritis dalam hubungan dinamik alam di dunia ini (Mohd. Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad, 2019: 31). Menurut Saroja Dhanapal & Kalai V. Rajakandram (2014: 234-235), eko kritik mampu mengangkat isu berkaitan dengan krisis alam sekitar dan kesan negatif akibat pencemaran alam dan bagaimana penulis mengambil berat akan isu alam sekitar dalam karya-karya mereka sebagaimana petikan berikut:

*"ecocriticism is not only useful to scholars...but also the potential topics for ecocritical analysis will help ecocriticism grapple with one of its central conceptual challenges-understanding nature and culture as interwoven rather than as separate sides of a dualistic construct". Ecologically oriented is not a new phenomenon like the literature it analyses. It is a response to urgent issues of the day. It has been pointed out that ecocriticism continuous to grow as a result of the global environmental crisis. Further, ecocriticism aims to show how the work of writers' concerned about the environment can play some part in solving real and pressing ecological concerns.*

Permasalahan alam sekitar menjadi bahan renungan pengarang untuk berkarya sehingga sastera mampu menjadi wadah membincangkan permasalahan alam sekitar yang dihadapi oleh manusia. (Sohaimi Abdul Aziz, 2014: 94). Hal ini bertepatan dengan kelahiran eko kritik itu sendiri yang digunakan sebagai alat kritikan untuk mengkritik isu alam sekitar yang diketengahkan oleh pengarang sama ada melalui puisi, cerpen maupun novel.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis dan perbincangan dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan manifestasi alam sekitar yang terdapat dalam novel-novel kajian berdasarkan pendekatan ekologi sastera. Alam sebagai latar belakang cerita telah digunakan oleh Faisal Tehrani dalam ketiga-tiga novel kajian. Alam sebagai sumber kehidupan manusia dapat dilihat melalui novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* manakala alam sebagai bukti keagungan dan kekuasaan Tuhan terserlah dalam *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bila Tuhan Berbicara*. Alam sebagai alat kritik pula dijelaskan dengan menggunakan kritikan ekologi untuk membincangkan kesan kerosakan alam yang berlaku akibat perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran sungai, pemendapan sungai dan pencemaran udara sebagaimana yang berlaku dalam novel *Bahlut*.

### Alam Sebagai Latar Belakang Cerita

Alam sebagai latar belakang cerita atau tempat berlangsungnya suatu peristiwa yang terjadi, bertujuan untuk memberikan gambaran tentang suasana ketika itu dan peristiwa yang digambarkan oleh pengarang (Norhayati Ab. Rahman, 2016: 118). Alam sebagai latar belakang cerita menjadi sebahagian daripada plot cerita dalam novel *Bila Tuhan Berbicara*. Sahlan dan rakan-rakannya digambarkan terperangkap di dalam sebuah gua (bunker) akibat kejadian gempa bumi, taufan dan letusan gunung berapi. Pemaparan alam sebagai latar belakang cerita ini berkait rapat dengan fenomena alam yang berlaku seperti letusan gunung berapi, taufan dan gempa bumi. Dalam novel ini pengarang telah menampilkan watak Sahlan, iaitu seorang pengkaji gunung berapi yang giat menjalankan kajian tentang letusan gunung berapi di benua Amerika dan Sumatera bersama dengan beberapa orang pakar. Mereka mengkaji apa yang sedang dan akan berlaku di Toba, Sumatera dengan membaca perubahan yang berlaku kepada magma, iaitu cairan yang berada di dalam lapisan bumi sebagaimana petikan berikut:

*...sejak akhir-akhir ini terlalu banyak gempa di Toba. Dan, beberapa minggu lalu aku ke sana, aku dapati ada kawasan yang pohon-pohnnya sudah kering, terbakar dan mati. Kau tahu apa maksudnya? Itulah tandanya, tanda awal, magma sudah menggelegak naik. Mungkin 2 atau 3 kilometer sahaja di bawah bumi hingga pokok-pokok pun jadi mati kerana akarnya sudah hangus di bawah. Di bawah toba itu ada tampungan magma. Di dalam tampungan magma itu ada campuran gas dan api. Tampungan magma itu menurut ketuaku, lebarnya 40 kilometer, panjangnya 80 kilometer, dalamnya 8 kilometer, semua terbenam di bawah lingkaran caldera, menanti untuk dilepaskan ke luar. Mula-mula kami tertanya-tanya adakah ia jenis magma yang memang mendesak mahu ke luar atau tidak, atau ia sejenis magma biasa yang memang menggelegak sahaja di bawah sana. Tapi apa yang kami kesani menerusi seismic tomography mengerikan sekali, bahawa gelombang seismic pada gempa yang menjadi-jadi di daerah Sumatera sejak akhir-akhir ini telah menjelaskan magma yang ada di bawah Toba ialah magma jenis yang mahu ke luar, mahu memancut dan mahu meletup.*

(Faisal Tehrani, 2007: 20-21)

Tanda awal magma menggelegak naik menyebabkan pokok-pokok terbakar dan mati. Hal ini menunjukkan bahawa magma kian aktif di bawah Toba dan bila-bila masa akan meletup mengikut pemerhatian Sahlan dan rakan-rakannya. Letusan gunung berapi mampu memusnahkan alam ini sehingga menyebabkan seluruh isi dunia mati. Kesan daripada bencana alam tersebut akan menyebabkan manusia kelaparan kerana tidak ada lagi sumber makanan dan mati kerana menghidu debu hasil daripada letusan gunung berapi. Bencana alam yang berlaku secara semulajadi sesuai dengan aturan Allah yang telah mencipta alam dan sudah pasti peristiwa ini berlaku di luar kawalan manusia. Peristiwa ini juga merupakan satu detik perenungan manusia kepada Hari Kiamat kerana jika letusan gunung berapi tersebut meletus, maka tiada apa lagi yang tinggal di atas muka bumi ini. Segalanya akan menjadi hancur lebur sehinggakan jika berlaku bencana alam ini maka dunia ini tidak wujud lagi dan hal tersebut merupakan titik awal berlakunya Hari Kiamat sebagaimana yang difahami dalam ajaran Islam. Latar dan gambaran tentang peristiwa letusan gunung berapi ini berjaya memberikan gambaran dan suasana dalam novel ini yang bertepatan dengan tema dan persoalan yang diketengahkan oleh pengarang dan begitu realistik terutama untuk memahami fenomena alam yang berkaitan dengan letusan gunung berapi dan kesan-kesan yang timbul jika letusan tersebut berlaku.

Manifestasi alam sekitar yang terdapat dalam novel *Tunggu Teduh Dulu* berkait rapat dengan latar penceritaan dalam novel. Pengarang menggarap watak Salsabila Fahim yang sangat dekat dengan alam apabila memilih untuk menjadi petani moden dengan mengusahakan tanah untuk perladangan betik. Suasana alam di bawah kaki bukit digambarkan oleh pengarang dengan tanah yang cukup subur menyebabkan tanaman betik Salsabila dapat mengeluarkan hasil dengan banyak. Suasana alam yang begitu mendamaikan dengan dikelilingi oleh pokok-pokok betik memberi satu terapi kepada Salsabila Fahim. Gambaran pokok-pokok betik yang sedang tumbuh memutik ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

*Setiap kali berasa kacau dalam hati, terganggu fikiran, saya sengaja berjalan di antara barisan pohon betik. Bau harum daripada kelopak bunga berlilin dengan suram putih kuning warnanya memberi ketenangan sementara buat saya. Saya tilik daun-daun lebar bercabang serta bercuping, hijau muda, kekuningan dan batang pokok yang berlubang. Dalam hati saya kagumi ciptaan Allah. Bunga-bunga inilah yang tumbuh entah bagaimana dan berkembang menjadi buah-buah bujur berkulit licin dengan isi merah tomato kekuningan menampung khasiat tenaga, lembapan, protein, kalsium dan potasium. Sungguh-sungguh saya rasa dekat dengan Tuhan kala berdiri di sisi barisan lurus pohon betik. Inilah salah satu tanda kewujudan Yang Maha Kuasa. Terasa benar Allah itu dekat. Allah Maha Besar, apatah lagi mengenangkan kemampuan betik untuk menawar seribu macam penyakit.*

(Faisal Tehrani, 2008: 129-130)

Manifestasi alam sekitar melalui latar tanaman pokok betik ini bukan sahaja memberi kedamaian kepada Salsabila Fahim malah memberi suatu perasaan takjub akan kebesaran Allah. Latar

suasana alam sekitar yang digambarkan oleh pengarang melalui tanaman pokok betik ini menjadi suatu lambang kepada manusia untuk merasakan kebesaran dan kekuasaan Allah sebagaimana yang dirasai oleh watak Salsabila Fahim. Alam telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh Salsabila untuk kelangsungan hidup dengan menjaga alam sekitar sebaik mungkin. Panorama alam dan bentuk muka bumi yang melatari novel ini memberi suatu suasana kehijauan yang mampu memberi ketenteraman kepada watak-wataknya dan seterusnya memperlihatkan interaksi alam dengan manusia yang begitu akrab dan intim dalam novel ini.

Melalui novel *Bahlut* lukisan alam sebagai latar belakang penceritaan dapat dilihat apabila pengarang menjadikan hutan sebagai latar belakang penceritaan novel ini sesuai dengan watak orang asli dari suku kaum Semai yang ditonjolkan. Gambaran latar kawasan hutan yang dihuni oleh orang asli dengan dikelilingi pokok-pokok yang tumbuh merimbun dengan bunyi burung mergastua yang berkicauan, banjaran gunung dan bunyi air sungai mengalir menunjukkan hubungan intim dan akrab antara penduduk kampung dengan alam (hutan). Manifestasi latar kehidupan berdasarkan alam ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

*Embun memanjat denai yang sudah tersedia, sese kali tangannya yang memegang parang, tangkas memangkas pokok renek yang menyulitkan perjalanan. Suara mergastua menyambut riang Embun jadi galakan.*

(Faisal Tehrani, 2008: 37)

*...dia dikejutkan dengan alam sekitar yang mendamaikan. Hutan hijau dan banjaran gunung yang melembutkan mata.*

(Faisal Tehrani, 2008: 46)

*...Cuma bunyi air sungai yang mendesah kedengaran. Bercampur baur dengan bunyi mergastua berkicauan.*

(Faisal Tehrani, 2008: 87)

Manifestasi alam sekitar dengan suasana alam di kawasan hutan hijau dengan bunyi penghuni hutan seperti kicauan burung mergastua ternyata begitu mendamaikan suasana di kawasan hutan tersebut. Bunyi air sungai yang mengalir begitu menenangkan dan panorama alam telah berjaya dimanifestasikan dengan baik oleh pengarang sesuai dengan alam sebagai latar penceritaan dalam novel ini. Hubungan rapat antara alam dengan manusia menunjukkan bahawa kehidupan masyarakat orang asli begitu akrab dengan alam yang menjadi tempat tinggal mereka.

### Alam Sebagai Sumber Kehidupan (Ekonomi Manusia)

Dalam membincangkan fungsi alam sebagai sumber ekonomi atau makanan bagi seluruh kehidupan manusia di muka bumi ini, dapat dikaitkan dengan penjelasan yang disebutkan dalam al-Quran surah *an-Nahl* (ayat 5-15). Ayat ini dengan jelas telah menerangkan tentang bukti-bukti kekuasaan Allah, yang telah menurunkan air dari langit untuk kegunaan minuman bagi manusia, tumbuh-tumbuhan dan binatang. Dari air ditumbuhkan tanaman dan pohon buah-buahan, menyediakan laut agar manusia dapat mengambil hasil darinya (Norhayati Ab. Rahman, 2016: 113). Alam sebagai sumber kehidupan manusia (sumber ekonomi) ini dimanfaatkan oleh Faisal Tehrani dalam novelnya *Tunggu Teduh Dulu*. Melalui novel ini Faisal Tehrani telah menggarap watak utamanya, Salsabila Fahim sebagai petani moden yang mengusahakan ladang tanaman betik di tanah milik arwah ayahnya. Kedudukan tanah di bawah bukit yang berkeluasan lima hektar dengan tanah yang subur telah digunakan oleh Salsabila Fahim untuk berbakti kepada tanah dan seterusnya dapat menjana pendapatan serta membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat di sekitarnya. Ramai pekerja terutama dari Bangladesh dan Indonesia yang bekerja dengan Salsabila Fahim untuk kelangsungan hidup selain pekerja tempatan yang membantu menguruskan ladang betiknya. Manfaat alam kepada manusia digunakan sebaik-baiknya oleh Salsabila Fahim dengan berbakti kepada tanah:

*Saya selalu menganggap orang bawah atau pekerja juga kurnia Tuhan. Menjadi tanggungjawab memelihara mereka sebaiknya dan dipaut bersama keikhlasan dalam bekerja. Perhubungan itu akan membawa hasil yang luhur, suci dan kejayaan sebenar. Kerja-kerja menuai lebih separuh lagi betik di ladang berjalan rancak. Justeru kerja tanpa bertangguh menjadi amalan...*

(Faisal Tehrani, 2008: 81)

Gambaran di atas menunjukkan bahawa ladang betik yang diusahakan oleh Salsabila Fahim dan rakan kongsinya bukan sahaja dapat menjana pendapatan kepada mereka tetapi juga telah membuka ruang pekerjaan kepada para pekerja ladangnya. Justeru, menjaga kebajikan mereka sangat ditekankan oleh Salsabila Fahim kerana beranggapan bahawa pekerja yang baik juga adalah rezeki daripada Allah. Kebergantungannya kepada Allah tidak berbelah bagi kerana baginya hubungan akrab dengan pekerja perlu dibina dalam usahanya untuk berbakti kepada tanah dan alam. Berbakti kepada tanah telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh Salsabila Fahim untuk menjana sumber ekonomi dan menjadi petani moden yang berjaya bukan sahaja dalam bidang perladangan betik tetapi juga dalam syarikat niaga farmaseutikal. Alam sebagai sumber ekonomi dengan tanah yang subur dan ladang betik yang membawa hasil adalah bukti bahawa alam dapat memberi manfaat yang banyak kepada manusia yang memanfaatkannya sebagaimana yang tergambar dalam novel ini.

Dalam novel *Bahlut*, masyarakat orang asli khususnya kaum Semai yang dipaparkan oleh pengarang banyak memanfaatkan alam sekitar dalam kehidupan mereka sama ada sebagai sumber makanan dan ekonomi penduduknya. Penempatan mereka di kawasan hutan dan jauh dari arus pembangunan menjadi sebab kepada kebergantungan mereka kepada hutan yang ada di sekeliling mereka. Tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang terdapat di dalam hutan menjadi sumber makanan dan juga menjadi sumber pendapatan (ekonomi) kepada mereka. Hubungan yang akrab dengan alam ini dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pengarang dalam menggarap latar tempat yang menjadi latar penceritaan dalam novel *Bahlut* yang menyediakan alam sebagai sumber makanan dan juga sebagai sumber ekonomi sebagaimana paparan petikan berikut:

*Bangun seawal 6 pagi, ibunya Embun sudah sibuk mengangkat air dari perigi. Melepaskan ayam dan itik dari kurungan dan bergerak sekadar mengutip atau mencari petai, kerdas dan jering untuk dijual kepada orang tengah kemudiannya.*

*Jika terserempak kayu cendana, ibunya akan lebih ria. Kayu cendana memang membolehkan mereka hidup mewah seketika kerana harga yang tinggi bagi kegunaan membuat minyak wangi.*

*Kalau tidak ibunya akan memaksa diri juga untuk menghela rotan, buluh, dan damar dari hutan. Sesekali andai terserempak dengan kera atau biawak, dan kebetulan ada sumpitan siap berlumur racun getah ipoh, ibunya akan mensasarkan binatang buruan tersebut...*

*Ibunya juga kini mengerjakan padi huma dengan beberapa orang jiran...Sebelah petang ibunya akan menebas jagung, atau tebu atau mungkin mendapatkan ubi.*

(Faisal Tehrani, 2008: 18-19)

Manifestasi alam sekitar yang dipaparkan oleh pengarang dalam petikan ini menunjukkan bahawa alam telah menyediakan sumber keperluan hidup kepada manusia yang memanfaatkannya dengan baik. Manusia dapat meneruskan kelangsungan hidup meskipun tinggal di kawasan hutan sebagaimana watak Embun (ibu kepada Bahlut) yang berusaha mencari rezeki di kawasan hutan untuk mengisi perut mereka anak beranak. Anugerah alam dimanfaatkan sebaik-baiknya dengan menanam padi huma dan mengutip hasil hutan yang boleh dijadikan sebagai sumber makanan. Hasil daripada sumber alam ini juga mampu menjana ekonomi masyarakat orang asli di kawasan penempatan mereka sekaligus menunjukkan fungsi alam yang menyediakan pelbagai manfaat kepada manusia yang memanfaatkan alam sebaik mungkin dalam kehidupan mereka.

## Alam Sebagai Bukti Keagungan Dan Kekuasaan Tuhan

Alam sebagai bukti kepada keagungan Tuhan sebagai Yang Maha Berkuasa sangat dominan dalam novel *Tunggu Teduh Dulu* apabila setiap tindak tanduk Salsabila Fahim adalah bersandarkan kepada kebergantungannya kepada Yang Maha Pencipta. Manifestasi alam sekitar yang dipaparkan melalui penanaman betik dikaitkan oleh pengarang dengan perasaan takjub terhadap alam ciptaan Tuhan yang mempunyai banyak manfaat:

*...Saya melilau di antara deretan pohon papaya. Saya memegang beberapa kuntum kecil bunga betik. Kejadian Allah memang hebat. Betik punya tiga jantina. Yang menghasilkan bunga jantan sepuluh stamen, bunga betina pistil besar sedang bunga hermaphrodite menghasilkan buah bujur panjang. Tuhan Maha Kaya menjadikan papaya begini. Atur alam yang menggamamkan.*

(Faisal Tehrani, 2008: 31)

Pokok betik ini menjadi latar kepada ketakjuban manusia (Salsabila Fahim) kepada pencipta-Nya yang memperlihatkan hubungan antara alam, manusia dan Tuhan. Salsabila Fahim berbakti kepada tanah meskipun banyak rintangan dan cabaran yang terpaksa ditempuh. Berbakti kepada alam, iaitu tanah itu bukan sesuatu yang mudah dan hal ini diakui oleh Salsabila Fahim dalam petikan “Nyata, berbakti kepada tanah tidak mudah. Pastinya sebagai petani, memberi kepada bumi kemudian mengharapkan balas tidak senang tanpa ganjalan atau gendala di tengah perjalanan” (hlm. 44). Alam yang menjadi latar kepada novel ini adalah tanda kekuasaan Allah yang telah menjadikan muka bumi ini sebagai tempat untuk manusia hidup dan memanfaatkan alam ini dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang dilakukan oleh watak Salsabila Fahim yang sentiasa meletakkan Allah sebagai sumber kebergantungannya untuk meneroka alam yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Melalui novel *Bila Tuhan Berbicara* bukti keagungan dan kekuasaan Tuhan dapat dilihat menerusi peristiwa bencana alam yang disebabkan oleh letusan gunung berapi. Peristiwa kehancuran dan kemasuhan bumi yang berlaku (jangkaan Sahlan) menunjukkan dunia akan kiamat sebagaimana yang difahami dalam ajaran Islam. Melalui watak Sahlan, pengarang cuba menunjukkan bagaimana dahsyatnya peristiwa tersebut melalui peristiwa letusan gunung berapi yang pernah berlaku di Kepulauan Martinique:

*Sedahsyat ini, gas karbon dioksida, nitrogen dan sulfur dioksida bercampur sama ketulan besar yang akan meletup di udara dan menyebabkan bom gunung berapi, beratnya ialah 100 tan dan ia akan terlempar ditimang-timang masuk ke dalam air dan jatuh merata-rata. Letusan yang kuat itu juga menghamburkan batuan kecil, membentuk awan besar penuh habuk, abu, pumis, tuf, dan kau bayangkan semua itu terhambur pada awan yang menyala, ia bergerak, laju dan awan yang dinamai orang Perancis sebagai nueardente itu akan melanda apa saja. Dalam tahun 1902, di Kepulauan Martinique 30 ribu orang mati sekilip mata dilanda awan api tersebut, hanya dua orang saja yang hidup.*

(Faisal Tehrani, 2007: 155)

Jangkaan Sahlan terhadap kemungkinan akan berlaku letusan gunung berapi di sekitar Toba yang mengakibatkan kemasuhan bumi adalah berdasarkan kajiannya terhadap fenomena yang berlaku ketika itu. Bukti dan kajian yang dijalankan oleh Sahlan terhadap keaktifan gunung berapi di kawasan itu meyakinkan dirinya bahawa mereka akan selamat namun tetap akan menerima tempias akibat fenomena letusan gunung berapi tersebut. “Kita mungkin sahaja selamat dari letusan gunung berapi itu kerana kita agak jauh. Kita bukan di zon 1 atau 2 atau 3. Tetapi antisiklon akan berlaku...Habuk menutup atmosfera bumi, cahaya matahari kurang tiba dan suhu bumi menjadi sejuk. Salji akan turun...Zaman ais akan berlaku semula” (hlm. 162). Gas sulfur dioksida yang bercampur dengan hujan akan menjadikannya hujan asid yang merosakkan muka bumi, tanam-tanaman, tumbuh-tumbuhan dan kita akan menghadapi masalah bekalan makanan (hlm. 163). Bekalan makanan yang kurang akan menyebabkan mereka kebuluran dan besar kemungkinan kehidupan dunia ini akan berakhir dan mereka

akan mati. Bencana alam yang berlaku menunjukkan bukti kekuasaan Allah Yang Maha Pencipta yang menurunkan bencana alam sebagai satu bentuk perenungan dan pengajaran kepada manusia.

### **Kritikan Ekologi Terhadap Aktiviti Pembalakan Haram**

Alam digunakan oleh pengarang sebagai alat kritik untuk melontarkan kritikannya terhadap isu-isu alam sekitar seperti isu pembangunan yang banyak memberi kesan kepada alam sekitar. Hal ini dapat ditelusuri dalam novel *Bahlut* apabila pengarang memaparkan kesan kerosakan alam yang berlaku akibat pembalakan haram yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Hutan yang ditebang tanpa kawalan bukan sahaja menganggu ekosistem hutan tetapi juga mengakibatkan berlakunya pencemaran air sungai dan pencemaran udara di kawasan perkampungan orang asli yang tinggal di kawasan itu. Kehadiran syarikat pembalakan haram yang meneroka kawasan hutan berdekatan dengan kawasan perkampungan orang asli telah menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk kampung. Mana tidaknya, sungai telah mengalami pemendapan akibat kegiatan pembalakan yang tidak terkawal (hlm. 238). Gambaran kerosakan alam yang disebabkan oleh pembalakan haram menyebabkan pemendapan sungai terpapar dalam petikan berikut:

*Tiji makin mengasak, “Hek tak nampakkah, pembalakan berhampiran cerun bukit dah mengakibatkan tanah teruk terhakis sampai mendap ke dalam sungai. Batin lama-kelamaan sungai kita yang dalamnya berpuluhan meter itu akan menjadi cetek.”*

*Batin menguis tanah.*

*“Sungai tohor menyusahkan pergerakan bot kita ke kawasan pedalaman lain. Kita sudah susah memburu haiwan liar, menangkap ikan, hasil yas kita makin susut...dan membasuh pakaian yang banyak bergantung kepada sungai...” Sungai itu penting itu sahaja jalan untuk kita berhubung dengan masyarakat luar, membeli barang keperluan, menghantar anak-anak ke sekolah dan ahli keluarga yang sakit ke hospital. Kalau sungai makin cetek apa lagi, Batin? Dapatkah pembalak itu menolong?...Kalau ada dalam kalangan kita sakit berat, kita semua susah, Batin.”*

(Faisal Tehrani, 2010: 238-240)

Kesan pemendapan sungai akibat pembalakan haram menyebabkan aktiviti harian penduduk orang asli di kawasan tersebut terganggu. Kegiatan pembalakan haram ini juga telah mengakibatkan hutan di sekeliling mereka habis ditarah sehingga mengakibatkan sepuluh buah kampung hampir musnah akibat pembalakan yang tidak terkawal itu. Sumber kayu kayan seperti pokok damar dan pokok gaharu yang bernilai tinggi habis ditebang oleh syarikat pembalakan haram tersebut. Pokok petai yang menjadi sumber makanan penduduk juga habis ditebang. Haiwan-haiwan yang tinggal di kawasan hutan tersebut seperti rusa dan kijang juga lari meninggalkan kawasan hutan tersebut. Keadaan ini menyebabkan penduduk orang asli tidak lagi dapat berburu dan seterusnya menjelaskan sumber makanan mereka yang bergantung sepenuhnya kepada kegiatan berburu dan mengutip hasil hutan. Selain itu, pencemaran air sungai juga berlaku kesan pembalakan haram tersebut dan setiap kali hujan turun, air akan menjadi keruh menyebabkan bekalan air bersih penduduk terganggu sehingga terpaksa menadah air hujan untuk mendapatkan bekalan air bersih bagi kegunaan harian mereka. Sungai yang jernih kini bertukar menjadi keruh akibat pembalakan yang tidak terkawal dan menjelaskan kehidupan masyarakat orang asli yang tinggal di kawasan hutan tersebut.

Seterusnya, pembalakan haram tanpa kawalan ini juga telah menyebabkan berlakunya pencemaran udara akibat tindakan manusia yang meneroka alam dengan penuh kerakusan tanpa mempedulikan kesan yang berlaku kepada alam, manusia dan organisme lainnya yang saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain. Pembalakan hutan yang tidak terkawal di kawasan perkampungan orang asli dalam *Bahlut* telah menyebabkan pencemaran udara berlaku apabila penduduk terpaksa berhadapan dengan debu-debu yang berterbangan ketika lori balak berulang alik di kawasan perkampungan mereka sebagaimana tergambar dalam petikan “Di musim panas kita terpaksa menghidu debu-debu jalan akibat lori balak melintasi kampung (hlm. 242). Perkara ini secara tidak langsung telah menganggu gugat ketenteraman hidup masyarakat orang asli di kampung tersebut. Mereka tidak lagi dapat menikmati udara yang bersih sejak pembalakan tersebut masuk ke kawasan perkampungan mereka. Sebaliknya, mereka terpaksa berhadapan dengan debu-debu jalan dan asap

akibat pembalakan yang tidak terkawal itu sekaligus meninggalkan kesan emosi kepada penduduk kampung. Perkampungan yang dahulunya aman damai kini mula porak peranda akibat kerakusan manusia yang tamak haloba. Hutan di kawasan tersebut menjadi semakin nipis kerana sikap manusia yang rakus dengan pembangunan yang mengakibatkan suku kaum Semai menjadi manusia terpinggir di kawasan tersebut meskipun hutan itu adalah penempatan mereka sejak turun temurun. Isu pembalakan dan kesan-kesan yang tercetus akibat pembalakan haram dalam novel *Bahlut* ini menunjukkan keprihatinan pengarang terhadap isu kelestarian alam sekitar dengan melontarkan kritikannya terhadap masalah alam sekitar yang berlaku kerana pembangunan yang tidak terancang dan akhirnya merosakkan ekosistem muka bumi dan menganggu gugat kehidupan masyarakat orang asli di kawasan tempat tinggal mereka.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, ekologi sastera yang memberi perhatian terhadap ekologi alam telah dimanfaatkan sebaiknya oleh Faisal Tehrani dalam ketiga-tiga novel yang dikaji. Gambaran manifestasi alam sekitar menunjukkan alam menjadi inspirasi pengarang dalam penciptaan novel-novel ini dan pengarang juga menunjukkan keprihatinannya terhadap isu pencemaran udara dan pencemaran sungai akibat pembalakan yang dilakukan sewenang-wenangnya oleh manusia. Hubungan alam dengan manusia dapat dilihat dalam persekitaran yang memperlihatkan alam sebagai latar belakang cerita, alam sebagai sumber kehidupan manusia (ekonomi) dan alam sebagai bukti keagungan dan kekuasaan Tuhan dalam novel-novel kajian. Kritikan ekologi pula dapat dilihat melalui isu alam sekitar, iaitu pembalakan haram yang mengakibatkan berlakunya masalah seperti pemendapan sungai, pencemaran sungai dan pencemaran udara yang menganggu gugat kesejahteraan hidup manusia sebagaimana yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel *Bahlut*. Usaha Faisal Tehrani dalam membawa isu kelestarian alam sekitar ini menunjukkan keprihatinan Faisal Tehrani terhadap pemuliharaan alam sekitar. Pengabaian terhadap alam dapat menimbulkan kesan-kesan yang buruk kepada kelestarian alam sekitar dan seterusnya memusnahkan habitat alam yang saling berkongsi kehidupan antara satu sama lain.

## RUJUKAN

- Ariff Mohamad. (2015). Pengungkapan keperibadian secara simbolik dalam dua novel Melayu. *PENDETA*, 6, 230–243.
- Endraswara. (2016). *Sastraa ekologis teori dan praktik pengkajian*. Yogyakarta: CAPS.
- Faisal Tehrani. (2007). *Bila Tuhan Berbicara*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2008). *Tunggu Teduh Dulu*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2010). *Bahlut*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, & Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2018). Individualisme Faisal Tehrani dalam kepenggarangan berdasarkan novel-novel terpilih. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUTUN)*, 6, 31–60.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, & Madiawati Mamat. (2019). Pemikiran Faisal Tehrani berdasarkan novel-novel pilihan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 193–233.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, & Madiawati Mamat. (2019). Model remaja orang asli yang unggul dalam *Bahlut*. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1(1).
- Ghazali Taib, & Abdul Halim Ali. (2018). Analisis persejarahan baharu dalam novel 1515. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 42–57. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol13.4.2018>
- Glotfelty, Cheryll. (1996). Introduction: Literary studies in an age of environmental crisis dlm. Glotfelty, Cheryll & Harold, Fromm (Ed.) *The Ecocriticism Reader*. Athens and London: The University of Georgia Press.
- Hasninie Mohammad. (2013). Aspek dakwah dalam novel-novel terpilih Faisal Tehrani. Tesis Ijazah Sarjana: Universiti Putra Malaysia (tidak diterbitkan).
- Imaduddin, & Noor Shakirah. (2016). Tafsir ayat-ayat al-Quran berkenaan penjagaan alam sekitar dan analisis isu-isu alam sekitar di Malaysia. *Jurnal Afkar*, 18(1), 91–130.
- Kamariah Kamarudin. (2011). Nilai tarbiah dan islah wanita Melayu Islam pascamerdeka: Satu analisis terhadap novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-surat Perempuan Johor*. *Jurnal Akademi Pengajian Melayu (JOMAS)*, 22(1), 164–184.

- Kaswadi, K. (2015). Paradigma ekologi dalam kajian sastra. *Paramasastra: Jurnal Ilmiah Bahasa Sastra dan Pembelajarannya*, 2(2). <https://doi.org/10.26740/paramasastra.v2n2.p%25p>
- Khomisah. (2020). Ekokritik dalam perkembangan kajian sastera. *Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*, 17(1), 83–94. doi: 10.15575/al-Tsaqafa.v17i1.6032
- Maharam Mamat. (2021). Kemusnahan alam dalam novel *Nafkhatul Faza* karya Rosli Mohamad Ali dlm. Wiyatmi, Novita Dewi & Mawar Safei. *Sastera Hijau di Indonesia dan Malaysia dalam kajian Ekokritik dan Ekofeminis*. Yogyakarta: Cantrik Pustaka.
- Mohd. Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. (2019). Eko-kritik dalam puisi Melayu. *Akademia* 89, 29–39. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-04>
- Muhammad Hj. Salleh. (2012). *Pandangan dunia Melayu pancaran sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Fadzil Yusoff. (2018). *Kosmologi Zurinah Hassan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordiana Hamzah, Noor Alhusna Madzlan, Hasrina Baharum, Muhamad Fadzillah Zaini, & Rohaya Md. Ali. (2023). Analisis ethos, pathos dan logos dalam komunikasi kepimpinan *Nama Beta Sultan Alauddin* karya Faisal Tehrani. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 473–489. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-27>
- Norhayati Ab. Rahman. (2016). Manifestasi alam sekitar dalam karya kreatif sasterawan Fatimah Busu: Perspektif ekologisme dlm. Norhayati Ab. Rahman & Free Hearty. *Kajian perempuan Malaysia-Indonesia dalam sastera*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Roslina Abu Bakar. (2017). Komunikasi tradisi dalam kepengarangan *Hikayat Pelanduk Jenaka. KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 24(1), 23–49. <https://doi.org/10.21315/kajh2017.24.1.2>.
- Rosmah Derak. (2014). Mendekonstruksi sejarah dalam novel *1515*: Satu penulisan semula daripada perspektif golongan subaltern. *Jurnal MANU*, 21, 125–147.
- Rosmah Derak, & Asmiaty Amat. (2016). Perjuangan wanita dalam novel *Surat-Surat Perempuan Johor*. *Jurnal MANU*, 24, 91–109.
- Rosmah Derak. (2020). Pemikiran dalam novel-drama *Bila Tuhan Berbicara* karya Faisal Tehrani. *PENDETA*, 11(2), 44–54. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.4.2020>
- Saroja Dhanapal & Kalai V. Rajakandram. (2014). Literature and the endangered world: a comparative study of selected works of eastern and western poets. *Asian Journal of Education and e-Learning*, 2(3): 234–244.
- Shaidathul Suhana Ros. (2013). Pascakolonialisme dalam novel Faisal Tehrani. Tesis Ijazah Sarjana: Universiti Putra Malaysia (tidak diterbitkan).
- Sheikh Abdullah Basmeih. (tt). *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran (30 Juz)*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Dahsyatnya kesusasteraan memerihalkan kehidupan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2013). Ikon wanita Melayu-Islam dalam novel *Tunggu Teduh Dulu. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 169–183.
- Widianti, Ande Wina. (2017). Kajian ekologi sastera dalam kumpulan cerpen pilihan Kompas 2014 *Di Tubuh Tarra Dalam Rahim Pohon*. *Jurnal Diksstrasia*, 1(2), 1–9. <http://dx.doi.org/10.25157/diksstrasia.v1i2.576>